



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

PENGGANTUNGAN LESEN DUA SYARIKAT BAS EKPRES YANG TERLIBAT DALAM INSIDEN KEMALANGAN DI KM256.8 DAN KM257.8 LEBUHRAYA UTARA-SELATAN (PLUS) PADA 12 DAN 13 MEI 2023

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) memandang serius dua insiden kemalangan melibatkan:
 - a. sebuah bas ekspres berjenama Starmart Express di bawah syarikat S.V Juta Sdn Bhd berlanggar dengan 12 kenderaan lain di Kilometer 256.8 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah Utara pada 12 Mei 2023 lalu¹; dan
 - b. sebuah bas ekspres berjenama TRA Xpress di bawah syarikat Kejora Masyhur Sdn Bhd berlanggar dengan dua buah lori di Kilometer 257.8 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah Selatan pada 13 Mei 2023 lalu.²
2. Kementerian Pengangkutan sekali lagi menegaskan tidak akan sesekali berkompromi terhadap mana-mana kesalahan pemanduan kenderaan pengangkutan awam darat secara berbahaya yang mengancam keselamatan pengguna jalan raya. Siasatan yang melibatkan penglibatan pelbagai agensi di bawah MOT telah dilaksanakan bagi mengenal pasti punca kejadian, seterusnya memastikan insiden seumpama ini dapat dielakkan daripada berulang.
3. Hasil siasatan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) mendapati kedua-dua syarikat tidak mematuhi keperluan syarat berkanun lesen yang telah ditetapkan. APAD melalui Jawatankuasa Pembatalan dan Penggantungan Lesen (JPPL) telah memutuskan untuk menggantung Lesen Pengendali:
 - a. **Syarikat S.V. Juta Sdn. Bhd. selama 58 hari atas kesalahan gagal mematuhi syarat berkanun lesen Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715], kesalahan berulang dan pemanduan secara berbahaya manakala,**

¹<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-tersepit-dalam-kemalangan-libatkan-bas-12-kereta-di-lebuh-ray-plus-419316>

²<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1100679/selepas-gagal-memotong-bas-mengundur-700-meter-di-terowong-menora>





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- b. Syarikat Kejora Masyhur Sdn. Bhd. selama 37 hari atas kesalahan gagal mematuhi syarat lesen iaitu keperluan keselamatan seperti mana senarai di bawah Pemeriksaan dan Audit Keselamatan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
4. Semakan dengan agensi berkaitan mendapati kedua-dua syarikat ini turut mempunyai rekod saman lampau yang tinggi. **Dijelaskan tindakan pengantungan lesen pengendali dua syarikat di atas akan berkuat kuasa mulai 12 Jun 2023** dan ditegaskan bahawa sepanjang tempoh penggantungan tersebut, sebarang transaksi berhubung dengan Lesen Pengendali bagi kedua-dua syarikat tidak akan dibenarkan.
5. Dalam usaha memastikan aspek keselamatan pengguna sentiasa diutamakan, pihak Kementerian akan mengarahkan agensi-agensi di bawah kementerian untuk menjalankan pemeriksaan audit pematuhan dan keselamatan ke atas pengendali yang berisiko tinggi.
6. Kementerian berharap tindakan yang dikenakan ke atas kedua syarikat pengendali ini menjadi pengajaran dan peringatan kepada lain-lain pengendali untuk sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan semasa beroperasi terutama perkara yang melibatkan hal-hal keselamatan.

-Tamat-

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel 1800 88 7723 (Aduan MOT)
Faks +603 8892 0208
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

